

06/05/2000

Tindakan 'G7' sama seperti mengancam

BERKAMPUNG lebih awal di Kuala Lumpur bagi sesetengah perwakilan pada setiap persidangan tahunan Umno, sudah menjadi amalan biasa. Sepuluh, dua puluh tahun lalu jumlah mereka yang datang awal tidak terlalu ramai. Ini mungkin disebabkan tidak semua perwakilan mampu mengeluarkan wang saku sendiri bagi mendiami hotel dan tiada pula pihak yang bersedia membayar. Lagipun, Umno bahagian sendiri tidak akan menanggung bayaran penginapan jika mereka datang lebih awal. Mereka datang awal untuk melawat saudara-mara yang tinggal di ibu kota manakala yang tidak pernah menjejaki Kuala Lumpur, mengambil kesempatan melancong.

Kemudahan hotel di Kuala Lumpur ketika itu juga tidak banyak dan ia lebih dihuni oleh pelancong. Sesetengahnya pula datang awal dan menginap di Kuala Lumpur untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim di kalangan perwakilan lain, mengenali sesama mereka dan mengadakan kunjungan hormat ke pejabat pemimpin Umno yang berada dalam kerajaan untuk bertukar-tukar fikiran. Bagi yang tidak mampu menginap di hotel, mereka sanggup menumpang tidur di rumah saudara mara mereka.

Hari ini, tradisi berkampung awal menjelang perhimpunan di kalangan perwakilan Umno tetap wujud. Malangnya, tujuan murni berkampung awal itu sudah jauh menyimpang. Perlu diakui aspek komersil dan wang semakin mengaburi mata mereka. Bertandang ke Kuala Lumpur bukan sekadar untuk memilih pemimpin berwibawa bagi membela nasib bangsa Melayu, tetapi lobi-melobi, tawar-menawar kuasa undi bagi mendapat habuan. Lantaran, timbullah apa yang dipanggil kumpulan tujuh (G7) yang secara langsung dikatakan boleh menentukan pemimpin mana yang bakal berjaya dipilih menerajui tampuk pemerintahan parti.

G7 ini adalah tujuh daripada perwakilan daripada setiap bahagian termasuk ketua, timbalan, naib, ketua Pemuda dan ketua Wanita yang layak ke perhimpunan secara automatik. Mereka dikatakan akan membentuk beberapa kumpulan tersendiri yang lebih besar bagi membulatkan lagi sokongan terhadap calon-calon tertentu. Bagaimanapun, ini bergantung kepada calon mana yang dikatakan bersedia menawarkan ganjaran lebih tinggi berbanding calon lain. Perwakilan ini duduk di hotel dan meminta calon menjelaskan segala bil serta diberi wang berbelanja.

Apapun tidak semua bahagian Umno terbabit dalam unsur yang tidak sihat ini yang akhirnya boleh meruntuhkan parti. Masih ada bahagian yang tidak boleh dibeli dengan wang kerana mereka berpegang kepada prinsip perjuangan Umno. Tetapi gejala buruk ini semakin merebak dan dikesan berleluasa. Begitu juga tidak semua calon yang merebut jawatan tertinggi sanggup menjadikan wang sebagai memenuhi cita-cita tinggi mereka.

Masih ramai yang sayangkan parti dan menjunjung prinsip perjuangan Umno. Tetapi bak kata pepatah Melayu, akibat setitik nila, rosak susu sebelangga. Jika tidak ada tangan di atas yang memberi, pastinya tiada tangan di bawah yang menerima. Tanpa tangan yang menadah, tiada pula tangan mencurah. Ia saling berkait rapat. Perwakilan ini akan berhubung dengan broker, pengurus kempen atau secara terus calon bagi membuat permintaan jika mahu diberi undi. Ada juga yang bermain kayu tiga - tidak setia kepada satu-satu calon saja tetapi cuba memeras habuan dari semua yang bertanding.

Bagaimanapun ahli Umno gembira di sebalik berleluasa amalan politik wang, semakin tegas parti bertindak menanganinya. Arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya perwakilan yang datang awal balik ke kawasan

masing-masing dan beberapa minggu lalu melarang calon menghentikan kempen serta-merta, jelas menggambarkan ketegasan itu. Sebagai Presiden, beliau menyedari kesan barah itu jika tidak diubati segera.

Bagi ahli Umno, tidak keterlaluan jika G7 dan pemimpin yang memperalatkan wang kita sifatkan sebagai golongan yang hanya mementingkan saku dan tembolok sendiri. Barangkali pada peringkat bahagian lagi, G7 ini mahu menjadi perwakilan telah mengamalkan politik wang. Mereka berkempen dan menabur duit untuk memastikan dipilih oleh cawangan menjadi wakil bahagian. Kini alasan mereka, perhimpunan tahunan terutama jika ada pertandingan, adalah bendang luas untuk mereka menuai pelaburan. Sebagai wakil bahagian ke perhimpunan mereka berasa boleh membuat pelbagai 'tuntutan'. Tidak salah jika kita samakan perbuatan ini seperti mengancam. Senjata yang diletakkan mereka di leher calon ialah undi dan wang saja akan menyelematkan nyawa tebusan. Gejala buruk begini perlu dilenyapkan. Jika tidak, seperti keturunan, ia akan menjadi tali temali yang akhirnya menyaksikan Umno sebagai parti yang teras kekuatannya tidak lagi bergantung kepada perjuangan dan prinsip, sebaliknya duit serta kebendaan. Penonjolan pemimpin demikian akhirnya akan membawa padah kepada parti dan negara kerana pimpinan tidak lagi berdasarkan kebolehan tetapi kekayaan dan rasuah.

(END)